



e-ISSN: 0128-0902  
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(2) 2024

Journal of  
Contemporary  
Islamic Studies

# Sorotan Literatur Bersistemik Terhadap Terjemahan *Majāz* al-Quran Kepada Bahasa Melayu

(A Systematic Literature Review on the Translation of Quranic Figurative Meanings into Malay Language)

Nasimah Abdullah<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

## ARTICLE INFO

*Article history:*  
Received 1 April 2024  
Accepted 8 May 2024  
Published 7 Oct 2024

*Keywords:*  
figurative meaning  
systematic literature review  
translation of Quran

*Katakunci:*  
*al-majāz*  
sorotan literatur bersistemik  
terjemahan al-Quran

*DOI:*  
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.2>

## ABSTRACT

The Quran possesses not only distinctive linguistic qualities but also a language style adorned with profound rhetorical elements. Among these Arabic rhetorical elements, the *al-majāz* language style stands out prominently. Expressions embodying the essence of *al-majāz* defy simplistic interpretations based solely on sentence structure. This is because the meaning of *al-majāz* delves into the realm of imagination, abstraction, and symbolism, evading straightforward elucidation. This paper endeavours to illuminate a literature review concerning the translation of the Quran into Malay language. The focal point is the *majāz* language style employed in the Quran, exploring its translation approach, method, and strategic considerations. This review holds profound significance because the studies in the field of modern translation pioneered by the West have experienced rapid growth at the end of the 20th century AD. This study adopts a qualitative approach for the meticulous collection and analysis of data. Additionally, it employs a descriptive document analysis design grounded in a systematic literature review as its foundational framework. Prior studies were browsed through the keyword '*terjemahan majaz al-Quran kepada bahasa Melayu*' which was assisted by accessing the Google Scholar database. The study reveals that there are current studies that do not take advantage of the development that occurs in the field of Western modern translation. This finding is crucial in emphasizing the necessity of spotlighting the study on the translation of *majaz al-Quran* through the perspective of Western modern translation approaches, methods and strategies. This situation aligns with the rapid development that transpired in the field of Western modern translation studies towards the close of the twentieth century AD, ensuring that the world of Islamic studies keeps pace with global developments.

<sup>1\*</sup> Corresponding author. *E-mail address:* [nasimah@uis.edu.my](mailto:nasimah@uis.edu.my)  
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.2>

---

## ABSTRAK

---

Al-Quran bukan sahaja mempunyai sifat-sifat linguistik yang sangat istimewa, malah gaya bahasanya penuh dengan elemen retorik yang tinggi dan antara unsur retorik Arab adalah gaya bahasa *al-majāz*. Ungkapan yang mengandungi makna *al-majāz* tidak boleh sama sekali diberikan interpretasi berdasarkan struktur ayat semata-mata kerana makna *al-majāz* merujuk kepada makna yang lebih imaginatif atau abstrak, atau bersifat kiasan atau lambang. Objektif penulisan ini ialah meninjau sorotan literatur tentang terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu dengan memberi fokus kepada pendekatan terjemahan gaya bahasa majaz al-Quran atau kaedahnya, atau strateginya. Tinjauan ini sangat signifikan kerana kajian dalam bidang terjemahan moden yang dipelopori Barat semakin berkembang pesat pada akhir kurun ke-20 masihi. Pendekatan kajian ini ialah kualitatif dan kajian ini juga menggunakan reka bentuk analisis dokumen yang dihurai secara deskriptif berasaskan tinjauan literatur sistematik. Pencarian data adalah melalui pangkalan data Google Scholar menggunakan kata kunci 'terjemahan *majāz* al-Quran kepada bahasa Melayu'. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kajian-kajian semasa yang tidak memanfaatkan perkembangan yang berlaku dalam bidang terjemahan moden Barat. Dapatan ini adalah relevan untuk merumuskan keperluan menonjolkan pengkajian dalam isu terjemahan *majāz* al-Quran berlandaskan pendekatan, kaedah atau strategi terjemahan moden Barat. Hal ini adalah bertepatan dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang pengajian terjemahan moden Barat pada akhir kurun ke-20 masihi agar dunia pengajian Islam tidak tertinggal di belakang.

---

## PENDAHULUAN

Apa-apa sahaja perbincangan berkaitan agama Islam mesti dikaitkan dengan sumber al-Quran dan hadis nabi (Bakar, 2022). Hal ini sangat jelas dengan terserlahnya pengaruh al-Quran di kalangan masyarakat Melayu selepas penyebaran Islam di Nusantara dan mereka menganggap al-Quran terlalu istimewa (Al-Attas, 1972). Hal ini terbukti dengan berkembangnya pengajian pentafsiran al-Quran dan syarah hadis di kalangan masyarakat Melayu.

Masyarakat Melayu di Nusantara yang tidak mahir berbahasa Arab atau tidak mempunyai asas pengetahuan dalam bahasa Arab telah menjadikan teks terjemahan al-Quran sebagai alat perantara dalam usaha mendalami ajaran Islam (Abdullah et al., 2017; Mohd Yasin et al., 2017). Hal ini terbukti dengan wujudnya kepelbagaian teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu di pasaran (Abdullah, 2021). Usaha tersebut telah digembleng oleh ramai pihak sama ada berbentuk individu atau pun secara kolektif atau melalui badan dan institusi bukan kerajaan dan kerajaan sendiri (Abdullah & Abd Rahman, 2016a; Abdullah & Abd Rahman, 2016b). Antara teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu yang diusahakan oleh individu ialah seperti Mahmud Yunus (2008), Abdullah Basmeih (2013) dan Zaini Dahlan (1999). Manakala, teks terjemahan yang diusahakan oleh institusi bukan kerajaan di Malaysia pula ialah seperti terbitan daripada Yayasan Restu (2012), Karya Bestari (2014) dan Hidayah House of Quran (2017).

Begitu juga hadis nabi yang telah diterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu sejak sekian lama di Nusantara. Malah, kajian Bakar (2022) menyatakan bahawa hadis nabi telah diterjemahkan

dengan aktif sekali berbanding dengan sebelumnya, dan kadang-kadang berlakunya ketidaktepatan dalam hasil terjemahannya.

Manakala, dalam isu terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa lain pula sebenarnya pelbagai pendekatan telah digunakan semasa memberi interpretasi terhadap mesej al-Quran. Berdasarkan dimensi pengajian ulum al-Quran, para sarjana Islam mengkategorikan kaedah terjemahan al-Quran kepada bahasa-bahasa lain hanya kepada terjemahan *harfiah*, terjemahan *lafziyyah* dan terjemahan *tafsiriyyah* (Al-'Abīd, 1418H). Sedangkan dalam dimensi pengajian terjemahan moden Barat, para sarjana mengemukakan pelbagai pendekatan, teori, kaedah dan prosedur dalam terjemahan. Penulis berpandangan bahawa kesemua pendekatan, teori, kaedah dan prosedur dalam terjemahan moden boleh dimanfaatkan oleh bidang pengajian al-Quran untuk memastikannya berjalan seiring dengan perkembangan zaman.

Hasil pemerhatian penulis dalam isu penterjemahan al-Quran, kajian terhadap teks-teks terjemahan al-Quran masih kurang jika dibandingkan dengan kajian dalam bidang pentafsiran al-Quran itu sendiri. Oleh itu, objektif kajian ini meninjau sorotan literatur tentang terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu dengan memberi fokus kepada pendekatan terjemahan gaya bahasa majaz al-Quran atau kaedahnyanya, atau strateginya. Hal ini sangat relevan dengan perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang pengajian terjemahan moden yang dipelopori Barat pada akhir kurun ke-20 masihi.

## MAJAZ AL-QURAN DAN JENISNYA

Al-Quran bukan sahaja mempunyai sifat-sifat linguistik yang sangat istimewa, malah gaya bahasanya penuh dengan elemen retorik yang tinggi (Ameen, 2001). Sebenarnya, istilah retorik merupakan istilah sebanding dengan ilmu balāghah dalam pengajian linguistik Arab, dan ia merupakan satu cabang ilmu yang menjelaskan persembahan makna yang cantik melalui ungkapan yang betul di samping memberi kesan yang mendalam dan munasabah dengan makna (Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab, 1996). Antara unsur retorik Arab adalah gaya bahasa *al-majāz*.

Manakala, istilah *al-majāz* dalam pengajian linguistik Arab pula merupakan istilah sebanding dengan ungkapan figuratif dalam bidang pengajian terjemahan. Perkataan, rangkai kata dan sebagainya yang mengandungi makna figuratif tidak boleh sama sekali diberikan interpretasi berdasarkan struktur ayat semata-mata (Ainon & Abdullah, 2008) kerana makna figuratif merujuk kepada makna yang lebih imaginatif atau abstrak, atau mempunyai makna kiasan (Baharom et al., 2015). Untuk mencapai kesepadanan makna, gaya bahasa *al-majāz* perlu diterjemahkan dengan kaedah yang sesuai kerana ia mengandungi makna tersirat. Dalam wacana al-Quran terdapat pelbagai gaya bahasa *al-majāz* yang mencakupi *kināyah*, *isti'ārah* dan *majāz mursal*. Kita tidak boleh mengetahui maksud ketiga-tiga gaya bahasa ini daripada makna leksikal perkataan itu sendiri kerana gaya bahasa ini mempunyai makna tersirat.

Menurut al-Hasyimiy (1994), *kināyah* merupakan ungkapan yang disebut dengan maksud yang berbeza sama sekali daripada ujaran asalnya, tetapi ujaran itu juga boleh difahami secara langsung daripada susunan perkataannya kerana tidak wujudnya petunjuk atau *qarīnah* yang menafikan makna ujaran asal tersebut. Dengan erti kata lain, *kināyah* ialah suatu lafaz yang merujuk kepada dua aspek makna secara bersama iaitu denotatif dan konotatif. Situasi ini bermaksud bahawa *kināyah* mempunyai dua makna iaitu makna denotasi dan makna konotasi (Abdul Basir & Umami Syarah, 2018).

Frasa (طويل اليد) boleh difahami dengan dua maksud yang berbeza iaitu dengan makna denotasi dan makna konotasi. Makna denotasi ialah makna eksplisit sesuatu perkataan (Baharom et al., 2015). Maka, ungkapan (طويل اليد) dari segi makna denotasi membawa maksud panjang tangan. Manakala makna konotasi merujuk kepada idea yang dimaksudkan oleh sesuatu perkataan atau ungkapan selain maknanya yang tersurat (Baharom et al., 2015). Maka ungkapan (طويل اليد) dari segi makna konotasi boleh difahami dengan maksud sifat pemurah. Hal ini adalah kerana kita boleh mengerti ungkapan tersebut melalui konteks dan implikatur yang terdapat dalam ujaran (Hussein, 2006).

Menurut Bakri (2001), *al-isti'ārāh* merujuk kepada suatu gaya bahasa yang mempunyai maksud berlainan daripada maksud sebenar, ekoran wujudnya hubungan persamaan serta wujudnya petunjuk (*qarīnah*) yang disebut secara jelas di dalam ayat. Yang penting, kewujudan kata iringan atau petunjuk (*qarīnah*) boleh menghalang penggunaan maksud asal perkataan. Definisi lain bagi *al-isti'ārāh* ialah penggunaan sesuatu perkataan yang tidak mengikut pengertian asalnya kerana terdapat perkaitan antara makna asal dengan makna yang dimaksudkan, asalkan terdapat petanda yang menghalang penggunaan makna asal perkataan itu (Yaapar, 2021). Contohnya, perkataan singa digunakan untuk merujuk kepada pengertian orang yang berani (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006) dan perkataan bunga digunakan untuk menggambarkan anak-anak kecil yang cantik (Siti Saodah, 1999).

*Majāz mursal* pula merujuk kepada satu gaya bahasa yang menggunakan sesuatu lafaz untuk merujuk kepada makna tersirat yang lain bukannya makna tersurat (Ariffin & Mansor, 2019) kerana mempunyai hubungan seperti sebahagian (*al-juz'īyyah*), keseluruhan (*al-kullīyyah*), sebab (*al-sababīyyah*), penyebab (*al-musabbabīyyah*), keadaan (*al-hāliyyah*), berdasarkan apa yang telah berlaku (*i'tibār mā kāna*) dan berdasarkan apa yang akan berlaku (*i'tibār mā sayakun*) ('Ateeq, 1985). Hubungan tersebut berasaskan hubungan kemaknaan dan bukan hubungan yang berunsurkan penyerupaan (Abdullah et al., 2020a) dan juga mempunyai petunjuk (*qarīnah*) yang menghalang terzahirnya maksud sebenar (Hussin et al., 2019).

Contohnya ayat (ولدت الأم الطيبة). Secara logiknya adalah mustahil seorang ibu melahirkan seorang doktor kerana yang dilahirkan sebenarnya ialah seorang bayi. Contoh tersebut sebenarnya merupakan gaya bahasa *majāz mursal* yang mempunyai kaitan dengan perkara yang akan terjadi (*i'tibār mā sayakun*). *Majāz mursal* jenis ini merujuk kepada satu keadaan gaya bahasa yang menyebut sesuatu perkara yang dinisbahkan kepada apa yang akan berlaku kemudiannya (Al-Qazwini, 2003) atau *majāz* yang menamakan sesuatu perkara berdasarkan kepada keadaan sesuatu perkara tersebut pada masa akan datang ('Abbas, 2005). Maksud tersirat bagi ayat tersebut sebenarnya ialah ibu itu telah melahirkan seorang bayi yang akan menjadi doktor suatu hari nanti (Noor Maizaitun et al., 2024).

Para sarjana ilmu semantik membincangkan unsur perubahan semantik (*semantic change*), dan antara jenisnya ialah kaedah perpindahan makna (الاتقال الدلالي). Ungkapan figuratif seperti gaya bahasa *al-isti'ārāh*, *al-kināyah* dan *majāz mursal* berlaku melalui kaedah ini (Anis, 1991; Umar, 1998). Perpindahan makna pada gaya bahasa *al-majāz* merujuk kepada keadaan berlakunya peluasan makna yang bersifat figuratif, dan perihal ini sering mencetuskan masalah dalam pemindahan makna bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Dengan sebab itu, ungkapan *al-majāz* tersebut perlu diberikan pentafsiran yang jelas dalam bahasa sasaran tanpa bergantung sepenuhnya kepada makna pada peringkat semantik.

Perbincangan seterusnya nanti akan menyentuh tentang perkembangan terjemahan dalam perspektif pengajian terjemahan moden Barat. Hal ini adalah kerana bidang ilmu semantik telah memberi sumbangan kepada perkembangan pengajian terjemahan moden Barat selepas kurun ke-20.

## PENGAJIAN TERJEMAHAN DALAM PERSPEKTIF LINGUISTIK MODEN

Sebelum kurun ke-20, dua aliran pemikiran mendominasi bidang ilmu linguistik moden iaitu i) aliran teori struktural dan ii) aliran linguistik transformasi generatif. Teori struktural yang dipelopori oleh Ferdinand de Saussure cenderung kepada linguistik deskriptif yang menumpukan kajian kepada bidang bunyi dan sintaksis semata-mata, manakala aliran yang kedua yang diasaskan oleh Noam Chomsky memperkenalkan kajian linguistik baharu iaitu tatabahasa generatif (Fazal Mohamed Mohamed Sultan, 2010). Walau bagaimanapun, keberadaan kedua-dua aliran tersebut tidak mampu mengembangkan bidang pengajian terjemahan kerana kedua-duanya tidak memberi perhatian kepada perbincangan makna semantik (Abdullah Hassan, 2009). Terkesan dengan pengaruh aliran pemikiran yang berlaku dalam bidang ilmu linguistik di zaman itu, maka para sarjana bidang terjemahan menghadkan perbincangan pendekatan terjemahan kepada terjemahan literal dan terjemahan bebas semata-mata (Newmark, 1994).

Selepas kurun ke-20, bidang pengajian terjemahan mula bermandiri dan berkembang dengan beransur-ansur ekoran kemunculan tiga cabang pengajian ilmu linguistik baharu iaitu ilmu semantik, linguistik kontrastif dan linguistik teks (Hatim & Mason, 2014). Contohnya dalam bidang linguistik teks, Zellig S. Harris menghasilkan karya bertajuk 'Discourse Analysis' pada tahun 1952. Manakala, dalam bidang ilmu semantik pula muncul karya oleh J. J. Katz dan J. A. Fodor berjudul 'The Structure of a Semantic Theory' pada tahun 1963. Kedua-dua karya ini telah menyumbang secara tidak langsung kepada pengembangan teori terjemahan. Selain itu, kajian-kajian dalam bidang linguistik kontrastif yang muncul pada tahun 60-an telah merancakkan lagi pengembangan teori terjemahan dengan pelbagai pendekatan terjemahan.

Hakikatnya bermula pada sekitar 1980, perkembangan dan hasil sumbangan yang berlaku kepada tiga cabang ilmu linguistik itu tadi telah membuka ruang kepada pengajian terjemahan moden melebarkan sayapnya dan berdiri sendiri sebagai satu disiplin ilmu dengan kemunculan teori-teori terjemahan. Satu hal yang nyata, bidang ilmu linguistik moden meletakkan ilmu pengajian terjemahan di bawah kerangkanya dan berkembang dengan pesatnya.

Bidang pengajian terjemahan diklasifikasikan di bawah linguistik gunaan atau terapan (al-Khuli, 2001) yang bermatlamat untuk mengkaji selidik dan menyelesaikan masalah bahasa dalam realiti kehidupan sebenar (Mohammad Fadzeli, 2014). Hal ini adalah kerana maklumat yang ada dalam bidang linguistik secara tidak langsung boleh membantu bidang pengajian terjemahan menghasilkan kaedah dan teori terjemahan tersendiri.

Dari segi dimensi lain pula, arah tuju kajian linguistik sebelum tahun 50-an dikuasai oleh konsep persamaan makna (Akmal Khuzairy Abd Rahman, 2016). Kemudian munculnya pendapat bahawa persamaan makna antara bahasa yang berbeza adalah mustahil sama sekali ekoran budaya dan masyarakatnya berbeza. Pandangan ini berasaskan hipotesis Sapir-Whorf yang percaya kepada kerelatifan bahasa dengan budaya dan masyarakat. Kesannya, konsep persamaan makna menjadi tidak popular lagi. Oleh itu, selepas tahun 60-an konsep lain pula mengambil tempat pengkajian linguistik iaitu konsep kesepadanan makna yang lebih menjurus kepada mempercayai bahawa keadaan terjemahan mesti memiliki makna yang terhampir dengan makna bahasa sumber, khususnya dalam konteks bahasa dan budaya.

Bertitik tolak daripada dua konsep tersebutlah timbulnya definisi yang pelbagai terhadap istilah 'terjemahan'. Kepelbagaian definisi tersebut telah memunculkan pelbagai pendekatan, kaedah dan strategi dalam terjemahan. Sebagai contoh, pendekatan pemikiran linguistik terserlah pada definisi Catford (1996) terhadap istilah 'terjemahan'. Dengan sebab itu, Catford tidak meletakkan kerangka terjemahan dalam konteks pertukaran dan perundingan antara dua budaya yang berlainan, dan kerangka fikir ini sudah pasti menjadikan terjemahan agak janggal dan tidak lancar.

Keadaan ini berbeza sama sekali dengan pandangan Nida dan Taber (1982) yang berpegang kepada pendekatan 'terjemahan dinamis' (*dynamic translation*). Mereka berpandangan bahawa untuk mempertahankan makna, penterjemah tidak ada pilihan lain kecuali membuat penyesuaian dari sudut fonologi, morfologi, sintaksis atau gaya bahasa yang ada di dalam bahasa sasaran. Namun, pandangan ini dikritik oleh Munday (2001) dengan hujah bahawa jika teks sumber dan teks sasaran dilatari oleh dua budaya yang berbeza adalah mustahil sesuatu hasil terjemahan menyamai teks sumber.

Newmark (1981) pula mendefinisikan terjemahan sebagai suatu seni atau kemahiran dalam menggantikan mesej satu bahasa dengan mesej yang sama dalam bahasa yang lain. Bertitik tolak daripada situlah, beliau telah mencadangkan dua (2) kaedah terjemahan iaitu terjemahan semantik (*semantic translation*) dan terjemahan komunikatif (*communicative translation*).

Di samping itu, para sarjana lain juga mengemukakan pelbagai strategi atau prosedur dalam terjemahan untuk menyelesaikan masalah semantik, linguistik dan budaya antara dua bahasa yang berbeza. Antaranya Larson (1984) yang mengusulkan lima strategi penterjemahan metonimi, Newmark (1981) yang menganjurkan 7 prosedur penterjemahan metafora, Klaudy (2009) yang menyarankan strategi pengeksplicitan dan pengimplisitan.

Rentetan itu, penulis berpendapat bahawa bidang pengajian Islam terutamanya yang membahaskan tentang terjemahan al-Quran dan hadis nabi kepada bahasa-bahasa lain perlu memanfaatkan kesemua teori-teori terjemahan yang dipelopori oleh sarjana Barat dalam bidang terjemahan agar tidak tertinggal di belakang dalam proses pengembangan ilmu baharu dan sentiasa relevan untuk mendepani globalisasi ilmu. Pemerhatian penulis mendapati kurangnya kajian ilmiah berkaitan terjemahan al-Quran dan hadis nabi yang memanfaatkan perkembangan yang berlaku dalam pengajian terjemahan moden. Sedangkan semua perkembangan yang berlaku tersebut boleh dimanfaatkan oleh bidang pengajian Islam dalam menilai kualiti terjemahan al-Quran dan hadis nabi sebagai usaha memberi kefahaman tentang mesej kedua-duanya kepada masyarakat bukan Arab yang tidak boleh berbahasa Arab. Justeru itu, kajian ini menumpukan kepada literatur berkaitan terjemahan majaz al-Quran kepada bahasa Melayu untuk melihat cakupan dan liputan kajian yang diperolehi secara atas talian dengan percuma.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah meninjau sorotan literatur tentang terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu yang diperolehi dalam talian secara percuma dengan memberi fokus kepada pendekatan terjemahan gaya bahasa majaz al-Quran atau kaedahnya, atau strateginya. Sorotan literatur tersebut melibatkan pencarian kajian-kajian lepas yang ditulis dalam bahasa Melayu, Arab dan Inggeris untuk meninjau liputan kajian akademik. Kajian akademik yang dimaksudkan di sini ialah buku, tesis atau disertasi, kertas kerja seminar atau prosiding dan artikel jurnal.

Pengumpulan dan penganalisan data kajian ini adalah melalui pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis dokumen. Landasan kajian adalah berasaskan tinjauan literatur sistematik (*systematic literature review*, SLR) yang dijelaskan secara deskriptif. Prinsip tinjauan literatur sistematik diterapkan oleh ramai pengkaji mutakhir ini yang menyoroti fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003). Penggunaan kaedah SLR ini adalah relevan kerana keupayaannya menjelaskan situasi dan kedudukan isu berkaitan dengan pendekatan, kaedah atau strategi terjemahan majaz al-Quran untuk dibuat kajian di masa hadapan dan sekali gus menilai secara sistematik keseluruhan kajian berkaitan dengannya.

Dalam mengakses dan melayari kajian-kajian lepas di atas talian berbantuan pangkalan data Google Scholar, penulis menggunakan kata kunci 'terjemahan majaz al-Quran kepada bahasa Melayu' tanpa membatasi tempoh masa tertentu. Walau bagaimanapun, penulis menghadkan pencarian data mestilah secara tidak berbayar.

## **DAPATAN KAJIAN**

Tuntasnya, carian data kajian akademik tentang terjemahan majaz al-Quran kepada bahasa Melayu melalui pangkalan data Google Scholar memaparkan perkara berikut:

### **(i) Kriteria, Kelayakan dan Penyisihan Data**

Perolehan carian memaparkan 414 data secara keseluruhannya. Penulis menyaring kesemua data-data tersebut kepada liputan berikut, iaitu i) akses percuma, ii) bahan ditulis dalam tiga bahasa sahaja iaitu bahasa Arab, Melayu dan Inggeris, iii) bahan sorotan kajian hanya dalam kategori jurnal, bab dalam buku, kertas kerja daripada seminar atau prosiding, tesis, disertasi, iv) ruang liputan perbincangan hanya melibatkan pendekatan, kaedah dan strategi terjemahan dan v) Nusantara sahaja. Jadual 1 memaparkan kriteria, kelayakan dan penyisihan data tersebut seperti di bawah:

Jadual 1: Kriteria, kelayakan dan penyisihan data

Bil.	Kriteria	Kelayakan	Penyisihan
1.	Akses:	Percuma	Berbayar
2.	Bahasa:	bahasa Melayu, Arab dan Inggeris	Selain bahasa Melayu, Arab dan Inggeris
3.	Jenis literatur:	makalah jurnal, bab dalam buku, prosiding seminar, tesis, disertasi	Buku, blog dan lain-lain
4.	Skop perbincangan:	Pendekatan, kaedah dan strategi terjemahan	Selain pendekatan, kaedah dan strategi terjemahan, sejarah
5.	Liputan negara:	Nusantara	Selain Nusantara

Sumber: sumbangan penulis

Proses saringan tersebut menemui hanya 11 kajian lepas sahaja yang menepati kriteria dan kelayakan yang ditentukan. Namun, satu (1) data tidak boleh diakses sepenuhnya dan hanya memaparkan sebahagian sahaja daripada abstrak. Kajian ini bertajuk ‘Penterjemahan Istiarah dan Kinayah dalam Teks al-Quran’ yang ditulis oleh Noor Eliza Abdul Rahman dan Nooraihan Ali. Kajian ini bertujuan mengetahui strategi penterjemah Arab-Melayu dalam menangani elemen *al-isti’arah* dan *al-kināyah* dalam teks al-Quran. Data kajian hanya melibatkan Tafsir Pimpinan al-Rahman, tafsir al-Haramain dan Mushaf al-Farid. Kajian ini merupakan makalah yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa al-Quran dalam Masyarakat Kontemporari pada tahun 2018. Oleh kerana kajian ini tidak boleh diakses sepenuhnya, maka penulis tidak dapat mengetahui strategi penterjemahan yang menjadi landasan teori kepada kajian ini dalam menganalisis teks-teks terjemahan al-Quran.

Baki 10 lagi kajian yang boleh diakses sepenuhnya ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Kajian-kajian lepas berkaitan terjemahan majaz al-Quran


Bil.	Tajuk kajian	Penulis	Tahun terbitan
1	Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan	Nasimah Abdullah & Lubna Abd Rahman	2016
2	Pendekatan Semantik Dalam Terjemahan Isti’ārāh Qurani Kepada Bahasa Melayu	Lubna Abd Rahman & Nasimah Abdullah	2019
3	ضیاع الدلالة المجازية في ترجمة أسلوب المجاز المرسل الوارد في القرآن الكريم: دراسة في بعض النصوص المترجمة إلى اللغة الملايوية .	Nasimah Abdullah	2019
4	Metaphors in the Quran and its translation accuracy in Indonesian	Yayan Nurbayan	2019
5	Translating Isti’arah and Kinayah in Quranic Verses	Noor Eliza Abdul Rahman, Roslan Ab Rahman, Najmiah Omar, Siti Hajar Mohamad Yusoff, Zulazhan Ab Halim, Muhammad Saiful Anuar Yusoff	2019
6	Majāz Mursal Dalam Teks Terjemahan Al-Quran Oleh Yayasan Restu Dan Al-Hidayah House of Quran: Satu Perbandingan	Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin & Nor Fatihah Suliman	2020b
7	Eksplisitasi Dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran	Nasimah Abdullah, Saifulah Samsudin & Nor Fatihah Suliman	2020c
8	Terjemahan Majaz Mursal dalam Surah Al-Baqarah Berdasarkan Terjemahan Perkata	Muhammad Adib Hassan & Mohamad Syukri Abdul Rahman	2022
9	Keberkesanan Strategi Eksplisitasi: Analisis Terhadap Teks Terjemahan Al-Hidayah House of Quran	Noor Maizaitun Zainuddin, Nasimah Abdullah & Saifulah Samsudin	2023a
10	Terjemahan Majaz Mursal al-Quran melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis Itibar Ma Kana	Noor Maizaitun Zainuddin, Nasimah Abdullah & Saifulah Samsudin	2023b

Sumber: Penulis

## (ii) Jenis Literatur dan Bahasa Pengantar


Daripada 10 data yang dianalisis, 1 kajian adalah daripada prosiding seminar, 2 kajian adalah daripada bab dalam buku, 7 kajian adalah artikel jurnal dan tiada kajian diperolehi daripada tesis atau disertasi. Jadual 3 di bawah memaparkan jenis kajian tersebut. Manakala, bahasa pengantar yang digunakan oleh kajian tersebut ialah 7 berbahasa Melayu, 2 berbahasa Inggeris dan 1 berbahasa Arab. Jadual 4 di bawah memaparkan bahasa pengantar yang digunakan oleh kajian-kajian lepas tersebut.

Rajah 1: Jenis Literatur



Sumber: Penulis

Rajah 2: Bahasa Pengantar Yang digunakan oleh kajian-kajian lepas



Sumber: Penulis

## (iii) Pendekatan, Kaedah dan Strategi Terjemahan Majaz al-Quran dalam Kajian-Kajian Lepas

Daripada 10 data yang boleh diakses, terdapat enam (6) data yang mengupas tentang gaya bahasa *majāz mursal* iaitu Bil. 3, 6, 7, 8, 9 dan 10, dua (2) data membincangkan tentang *al-isti`ārāh* iaitu Bil. 2 dan 4, satu (1) data yang membicarakan tentang *al-isti`ārāh* dan *kināyah* secara bersama iaitu Bil. 5, serta satu (1) data yang mengupas secara bersama ketiga-tiga gaya bahasa majaz iaitu Bil. 1 (sila rujuk Jadual 2). Namun tidak kedapatan data yang membincangkan tentang kinayah secara berasingan.

Hasil penelitian terhadap 10 data juga menemui bahawa adanya empat (4) kajian yang mengaplikasikan kaedah terjemahan moden dalam analisis terhadap teks terjemahan al-Quran iaitu kajian daripada Abd Rahman dan Abdullah (2019), Abdullah et al. (2020c), Zainuddin et al. (2023a) dan Zainuddin et al. (2023b). Satu (1) kajian menerapkan strategi terjemahan daripada Majdi (2009) iaitu Noor Eliza Abdul



Rahman et al. (2019). Manakala baki lima (5) kajian lagi tidak menerapkan apa-apa pendekatan atau kaedah atau strategi terjemahan moden Barat sebagai landasan teori kajian.

Kajian Abd Rahman dan Abdullah (2019) bertajuk ‘Pendekatan Semantik Dalam Terjemahan Isti‘arah Qurani Kepada Bahasa Melayu’ diterbitkan dalam Jurnal Penterjemah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti pendekatan semantik yang digunakan dalam teks terjemahan al-Quran terbitan Yayasan Restu dan Hidayah House of Quran dalam usaha menyampaikan makna isti‘arah. Analisis kajian ini berlandaskan teori Terjemahan Semantik Newmark dalam bukunya ‘Approaches to Translation’ pada tahun 1981.

Sembilan (9) ayat al-Quran yang diterjemahkan secara semantik oleh kedua-dua korpus kajian telah dianalisis. Hasil kajian menemui sebahagian gaya bahasa *al-isti‘ārāh* dalam al-Quran yang tidak boleh dipindahkan ke Bahasa sasaran dengan kaedah semantik sahaja kerana hasil terjemahannya tidak boleh menyampaikan mesej sebenar yang dikehendaki oleh al-Quran. Hal ini bermaksud penterjemah perlu mengaplikasikan strategi terjemahan lain atau penterjemah perlu menggabungkan kedua-duanya sekali supaya pembaca bahasa sasaran mampu memahami mesej al-Quran dengan baik.

Kajian Abdullah et al. (2020c) bertajuk ‘Eksplisitasi Dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran’ diterbitkan dalam buku berjudul ‘Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan’. Kajian ini bertujuan menganalisis bentuk eksplisitasi yang diaplikasikan dalam terjemahan gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran kepada bahasa Melayu yang hanya fokus kepada teks terjemahan oleh Abdullah Basmeih (2010) dan Mahmud Yunus (2008), serta teks yang diterbitkan oleh Yayasan Restu (2012) dan al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd (2017). Korpus kajian hanya melibatkan 7 ayat al-Quran sahaja yang dipilih berasaskan persampelan bertujuan.

Jelas kelihatan bahawa kajian ini memanfaatkan strategi eksplisitasi yang diperkenalkan asalnya oleh Vinay dan Darbelnet (1995) dan kemudiannya beberapa bentuk eksplisitasi dikembangkan oleh sarjana-sarjana lain dalam bidang pengajian terjemahan moden Barat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa korpus kajian mengaplikasikan pelbagai bentuk eksplisitasi dalam menterjemahkan *majāz mursal* al-Quran, dan antaranya pengkhususan, penambahan dalam bentuk penjelasan terhadap elipsis, penambahan maklumat dalam kurungan dan penambahan maklumat dalam nota kaki.

Yang terkini adalah kajian daripada Zainuddin et al. (2023a) dalam prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan kali ke-8. Tajuk kajian ini ialah ‘Keberkesanan Strategi Eksplisitasi: Analisis Terhadap Teks Terjemahan Al-Hidayah House of Quran’. Tujuan kajian ialah memperkenalkan strategi eksplisitasi dalam menterjemahkan gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran. Fokus kajian ini ialah *majāz mursal* dari kategori hubungan separa (iaitu *al-Juz‘iyyah*) dan korpus kajian hanya melibatkan tiga (3) data sahaja.

Jelas kelihatan pada tajuk kajian tersebut bahawa penulis mengaplikasikan strategi eksplisitasi yang telah diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet. Hasil kajian menunjukkan bahawa strategi eksplisitasi boleh menyerlahkan makna implisit pada gaya bahasa *majāz mursal* ke dalam bahasa Melayu dan mesej al-Quran mampu difahami dengan lebih jelas lagi oleh pembaca sasaran.

Manakala kajian Zainuddin et al. (2023b) pula memfokuskan perbincangan kepada ‘Terjemahan Majaz Mursal al-Quran melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis I‘tibar Ma Kana’. Artikel ini diterbitkan di dalam BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences yang bertujuan meninjau keberkesanan strategi eksplisitasi dalam usaha menzahirkan makna implisit. Artikel ini hanya menghadkan kepada gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran yang mempunyai hubungan berkaitan dengan perkara yang telah terjadi (علاقة اعتبار ما كان). Kajian ini hanya berdasarkan 6 data sahaja. Korpus kajian ialah teks terjemahan oleh al-Hidayah House of Quran, Karya Bestari, Yayasan Restu dan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. Analisis kajian ini dibuat berdasarkan strategi eksplisitasi yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995) dan teknik pengeksplisitan yang dikemukakan oleh Murtisari (2016). Kajian ini merumuskan bahawa makna implisit dalam gaya bahasa *majāz mursal* tersebut dapat diserlahkan melalui

strategi eksplisitasi berbanding penggunaan kaedah literal yang mengundang kehilangan makna *majāz mursal* dalam teks terjemahan.

Dapat diperhatikan bahawa kedua-dua kajian Zainuddin et al. (2023a) dan Zainuddin et al. (2023b) menerapkan strategi terjemahan moden dalam perbincangan berkaitan kaedah terjemahan *majāz mursal* al-Quran kepada bahasa Melayu.

Satu (1) kajian lagi menerapkan strategi terjemahan daripada Majdi (2009) sebagai landasan teori dalam menganalisis teks terjemahan al-Quran. Kajian tersebut ialah daripada Noor Eliza Abdul Rahman et al. (2019) yang bertajuk ‘Translating Isti’arah and Kinayah in Quranic Verses’. Artikel ini diterbitkan dalam International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development. Objektif kajian ini ialah untuk mengetahui serta menentukan strategi dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran yang mengandungi gaya bahasa istiarah dan kinayah. Analisis perbandingan dilakukan terhadap tiga korpus teks terjemahan al-Quran iaitu Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, tafsir al-Haramain dan Mushaf al-Farid.

Strategi terjemahan Majdi (2009) ini merupakan adaptasi atau gabungan daripada beberapa strategi terjemahan yang digagaskan oleh sarjana Barat seperti Newmark (1981) dan Larson (1984), serta terdapat satu strategi yang digagaskan dalam pengajian al-Quran iaitu strategi tafsir. Berdasarkan lima (5) data *al-isti’ārāh* dan lima (5) data *kinayah* yang dikaji, dapatan menunjukkan bahawa tiga (3) strategi yang digunakan oleh korpus kajian iaitu terjemahan secara literal, tafsir dan penjelasan melalui penggunaan nota kaki.

Seterusnya baki lima (5) kajian lagi tidak menerapkan apa-apa pendekatan, kaedah atau strategi terjemahan moden Barat iaitu kajian daripada Abdullah & Abd Rahman (2016), Abdullah (2019), Yayan Nurbayan (2019), Abdullah et al (2020b) serta Muhammad Adib Hassan dan Mohamad Syukri Abdul Rahman (2022).

Kajian Abdullah dan Abd Rahman (2016) bertajuk ‘Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan’ diterbitkan di dalam The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS). Objektif kajian ialah meneliti terjemahan al-Quran dalam bahasa Melayu secara kolektif dan individu untuk mengenal pasti kaedah terjemahan ayat-ayat figuratif. Kayu ukur kesepadanan terjemahan adalah berdasarkan pentafsiran kitab tafsir yang muktabar seperti al-Qurtubiy, al-Zamakhshariy, al-Ṭabariy, al-Suyūṭī, al-Bayḍāwī, al-Zarkashī dan Ibn ‘āshūr. Perbandingan dilakukan terhadap empat (4) teks terjemahan al-Quran, iaitu terbitan Yayasan Restu (2009), serta terjemahan oleh Mahmud Yunus (2008), Abdullah Basmeih (2001) dan Zaini Dahlan (1999). Kajian ini hanya memilih 10 ayat figuratif secara rawak yang merangkumi tiga (3) gaya bahasa *majāz* iaitu *al-isti’ārāh*, *kināyah* dan *majāz mursal*.

Kajian menemui bahawa hasil terjemahan secara kolektif yang diterbitkan oleh Yayasan Restu kurang menepati kehendak mesej al-Quran sebagaimana pentafsiran kitab-kitab tafsir muktabar berbanding dengan terjemahan secara individu oleh Mahmud Yunus, Abdullah Basmeih dan Zaini Dahlan yang lebih mampu mendatangkan hasil terjemahan yang lebih menepati mesej al-Quran. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa ciri linguistik yang tidak sama antara bahasa Arab dan Melayu menjadikan ayat al-Quran berbentuk figuratif tidak boleh diterjemahkan secara literal. Tuntasnya, analisis terhadap teks terjemahan tidak memanfaatkan sebarang kaedah atau strategi terjemahan moden.

Manakala, kajian Abdullah (2019) bertajuk ‘ضیاع الدلالة المجازية في ترجمة أسلوب المجاز المرسل الوارد في القرآن الكريم: دراسة في بعض ’النصوص المترجمة إلى اللغة الملايوية’ membuat perbandingan antara tiga (3) teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Melayu iaitu terjemahan daripada Mahmud Yunus (2008), Abdullah Basmeih (2001) dan Zaini Dahlan (1999). Artikel ini diterbitkan di dalam Journal of Linguistic and Literary Studies. Tujuan kajian ini ialah untuk mengenal pasti kaedah terjemahan *majāz mursal* al-Quran kepada bahasa Melayu dan menganalisisnya untuk melihat tahap kesepadannya dengan mesej al-Quran. Kajian ini mengemukakan hanya 5 data *majāz mursal* sebagai contoh kehilangan makna dalam teks terjemahan. Kajian ini

merumuskan bahawa kebergantungan penterjemah kepada cara terjemahan literal semata-mata dalam usaha menyampaikan maksud yang dikehendaki oleh al-Quran menyebabkan kehilangan makna *majāz mursal* dalam teks terjemahan. Analisis kajian ini hanya berlandaskan kepada kaedah terjemahan literal semata-mata tanpa memanfaatkan sebarang kaedah atau strategi terjemahan moden.

Kajian Yayan Nurbayan (2019) bertajuk ‘Metaphors in the Quran and its translation accuracy in Indonesian’ diterbitkan di dalam Indonesian Journal of Applied Linguistics. Objektif kajian ini ialah mengkaji masalah ketepatan dalam menterjemahkan *al-isti`ārāh* yang terdapat dalam al-Quran. Ketepatan diukur berdasarkan pentafsiran kitab tafsir yang muktabar seperti *al-Kasysyaf* karangan al-Zamakhshari dan *al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj* karangan al-Zuhaili. Korpus kajian ialah teks terjemahan al-Quran kepada bahasa Indonesia yang diterbitkan oleh Kementerian Hal Ehwal Agama Islam. Kajian ini mengemukakan 13 data *al-isti`ārāh* pada peringkat leksikal dan 2 data *al-isti`ārāh* pada peringkat ayat dari pelbagai surah. Kajian ini merumuskan bahawa 13 ayat al-Quran diterjemahkan secara literal dan 2 ayat bukan secara literal. Jelaslah bahawa analisis terhadap teks terjemahan tidak memanfaatkan sebarang kaedah atau strategi terjemahan moden, malah hanya melihat berlandaskan kepada kaedah terjemahan literal semata-mata.

Kajian Abdullah et al. (2020b) bertajuk ‘Majāz Mursal dalam Teks Terjemahan al-Quran oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran: Satu Perbandingan’ diterbitkan di dalam buku bertajuk ‘Isu-isu Kontemporari dalam Pengajian Linguistik, Kesusasteraan dan Ketamadunan Arab’. Objektif kajian ialah menilai kesepadanan makna dalam menterjemahkan gaya bahasa *majāz mursal* al-Quran ke dalam bahasa Melayu. Kayu ukur kesepadanan terjemahan adalah berdasarkan pentafsiran kitab tafsir yang muktabar seperti *al-Kashshāf* karangan al-Zamakhsharī, *Tafsir al-Bayḍawī*, *Tafsir al-Tahrīr* karangan Ibn ‘ashūr, *al-Tafsir al-Munīr* karangan Wahbah al-Zuhailī dan kitab ‘*ulūm* al-Quran seperti *al-Burhān* karangan al-Zarkashī dan *al-Itqān* karangan al-Suyūṭī. Kajian ini menganalisis lapan (8) ayat yang mengandungi ungkapan *majāz mursal* untuk menunjukkan beberapa kaedah yang berbeza antara dua (2) teks terjemahan yang dikaji. Analisis terhadap teks terjemahan hanya berlandaskan kepada kaedah terjemahan literal semata-mata tanpa memanfaatkan sebarang kaedah atau strategi terjemahan moden Barat.

Yang terakhir adalah kajian daripada Muhammad Adib dan Mohamad Syukri (2022) yang bertajuk ‘Terjemahan Majāz Mursal dalam Surah al-Baqarah Berdasarkan Terjemahan Perkata’. Kajian ini hanya memfokus kepada terjemahan perkata terbitan Yayasan Restu. Kajian ini bertujuan meneliti terjemahan terhadap sepuluh (10) ayat al-Quran dalam surah al-Baqarah yang mengandungi gaya bahasa *majāz mursal*. 10 data tersebut ialah ayat 9, 17, 19, 21, 43, 48, 143, 174, 229 dan 255. Secara jelasnya, analisis terhadap teks terjemahan bagi kesemua ayat tersebut tidak memanfaatkan sebarang kaedah atau strategi terjemahan moden. Dapatan kajian merumuskan bahawa penterjemah menterjemahkan 10 ayat al-Quran tersebut berdasarkan zahir teks tanpa menekankan aspek makna implisit yang terkandung dalam gaya bahasa *majāz mursal*. Hal ini menyebabkan pembaca bahasa sasaran tidak dapat memahami maksud tersirat dan tujuan sebenar sesuatu ungkapan itu dibuat dari sudut ilmu retorik Arab.

## PENUTUP

Kajian ini menemui hanya 10 kajian sahaja yang boleh diakses melalui pangkalan data Google Scholar secara percuma berkaitan terjemahan majaz al-Quran kepada bahasa Melayu dengan memberi perhatian kepada pendekatan terjemahan, kaedahnyanya atau strateginya. Keadaan ini boleh dirumuskan bahawa isu penterjemahan al-Quran adalah satu cabang ilmu yang wajar diketengahkan rentetan kurangnya kajian akademik yang boleh diakses secara atas talian secara percuma.

Daripada pemerhatian terhadap 10 data juga memaparkan bahawa adanya perbahasan yang menerapkan kaedah terjemahan hasil garapan daripada sarjana Barat sebagai landasan teori kajian, dan ada juga yang sebaliknya. Perkembangan pesat yang berlaku dalam bidang pengajian terjemahan moden yang digagaskan oleh sarjana Barat pada akhir kurun ke 20 Masihi adalah signifikan untuk kita menonjolkan

pengkajian dalam isu terjemahan majaz al-Quran berlandaskan pendekatan, kaedah dan strategi terjemahan moden. Hal ini adalah untuk memastikan dunia pengajian Islam tidak tertinggal di belakang dan boleh mendepani cabaran globalisasi masa hadapan. Oleh itu, penulis mencadangkan agar kajian akan datang meneroka dan memanfaatkan perkembangan yang berlaku di dunia Barat dengan menjadikan teori terjemahan moden Barat sebagai landasan kajian di masa hadapan.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Universiti Islam Selangor (UIS) di atas sokongan dan dorongan yang diberikan dalam menghasilkan artikel ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kewangan atau bukan kewangan dalam perkara atau bahan yang dibincangkan dalam artikel ini.

## SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini adalah sumbangan penulis secara solo bermula dari pengumpulan bahan, penganalisan data, konsep dan struktur penyediaan draf asal serta penyuntingan akhir.

## RUJUKAN

‘Abbas, F. H. (2005). *Al-Balāghah Funūnuhā wa Afnānuhā* ‘Ilmu al-Bayān wa al-Badī’. Dar al-Furqan.

‘Ateeq, A. A. (1985). *Fi al-Balaghat al-‘Arabiyyah: Ilmu al-Bayan*. Dar al-Nahdhah al-‘Arabiyyah.

Abd. Rahman, Lubna dan Abdullah, Nasimah. (2019). Pendekatan Semantik Dalam Terjemahan Isti‘arah Qurani Kepada Bahasa Melayu. *Jurnal Penterjemah*, Edisi Khas Sempena Ulang Tahun ke-40 (Disember 2019): 134-153. <https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/10438>

Abdul Basir & Umami Syarah. (2018). Faktor Kepenggunaan Kinayah Dalam Al-Quran Al-Karim. *e-Academia Journal*, 7(1): 171-180.

Abdullah Basmeih. (2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Cetakan 12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Abdullah Hassan. (2009). *Linguistik Am*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Abdullah, N dan Abd Rahman, L. (2016b). Ayat Figuratif dalam al-Quran: Keperluan kepada Terjemahan Secara Kolektif. *Jurnal Penterjemah*. Jun 2016, 18(1): 1-13.

Abdullah, N. (2019). ضياع الدلالة المجازية في ترجمة أسلوب المجاز المرسل الوارد في القرآن الكريم: دراسة في بعض النصوص المترجمة إلى اللغة الملايوية. (The Loss of Figurative Meaning in Translating Synecdoche in the Holy Quran to Malay Language). *Journal of Linguistic and Literary Studies* 10(2): 44-64. <https://journals.iium.edu.my/arabiclang/index.php/JLLS/article/view/740>

Abdullah, N. (2021). Unsur Kelewahan dalam Teks Terjemahan al-Quran ke Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-18*. Penyunting: Norhazlina Husin, Muhammad Arsyad Abdul Majid, Noraini Ahmad Basri, Normah Ahmad & Rozaimah Rashidin. Universiti Teknologi MARA, Persatuan Penterjemah Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka & Institut Terjemahan dan Buku Negara. 486-502.

- Abdullah, N. dan Abd. Rahman. L. (2016a). Terjemahan Ayat Figuratif Dalam Al-Quran: Perbandingan Antara Penterjemah Individu Dan Berkumpulan. *The Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah (JSASS)*, Jun, 3(1): 1-12. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4\\_004-Nasimah.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files4/4_004-Nasimah.pdf)
- Abdullah, N., Abd. Rahman, L., Ab. Hamid, N., & Musa, M. S. (2017). Terjemahan Al-Quran Ke Bahasa Melayu: Tinjauan Terhadap Kata Panggilan Kekeluargaan. *E-Journal Penyelidikan Dan Inovasi*, 4(1): 160–172.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020a). Terjemahan Majāz Mursal: Satu Sorotan Literatur. Dalam Prosiding 7th. International Research Management & Innovation Conference (IRMIC2020). 26–28 Oktober, 2020. Research Management Centre, KUIS.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020b). Majāz Mursal Dalam Teks Terjemahan al-Quran Oleh Yayasan Restu Dan al-Hidayah House of Quran: Satu Perbandingan. Dalam *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. Penyunting: Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Hasanah Katim @ Iksan. Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor. Bab 2, 20-30.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2020c). Eksplisitasi Dalam Terjemahan Majāz Mursal Al-Quran. Dalam *Isu-isu Kontemporari Dalam Pengajian Linguistik Arab dan Ketamadunan*. Penyunting: Ghazali Zainuddin, Mohammad Imran Ahmad, Mariam Mat Daud, Ahmad Redzaudin Ghazali dan Hasanah Katim @ Iksan. Fakulti Pengajian Peradaban Islam. Universiti Islam Selangor. Bab 1, 10-19.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik Terjemahan*. Cetakan Ke-5. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd & Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Akmal Khuzairy Abd Rahman. (2016). Perbezaan Status Terjemahan al-Quran Berbanding Dengan Teks Asalnya Dari Perspektif Pengkajian Terjemahan Moden. *Jurnal Penterjemah*. 19(2): 19-39. Persatuan Penterjemah Malaysia.
- al- Hasyimiy, A. (1994). *Jawahir al-Balaghah fi al-Ma'ani wa al-Bayan wa al-Badi'*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-'Abīd, Ali Sulaiman. (1418H). *Tafsīr al-Qurān al-Karīm Uṣūluhu wa ḍawābiḥu*. Maktabah al-Taubah.
- Al-Attas, S. M. A.-N. (1972). *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu/Syed Muhammad Naquib al-Attas*. ABIM.
- Al-Khuli, Mohamed Ali. (2001). *Ilm al-Dalalah (Ilm al-Makna)*. Oman: Dar al-Falah.
- Al-Qazwini, M. I. A. R. Ibn U. (2003). *al-Idhahu fi Ulum al-Balaghah al-Maani wa al-Bayan wa al-Badi'* (1st ed.). tahqiq: Ibrahim Syamsudin, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah Jami al-Huquq Mahfuzoh.
- Al-Quran al-Karim Resam Uthmani Bahasa Melayu*. (2014). Cetakan ke- 4. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. (2012). Cetakan 8. Shah Alam: Yayasan Restu.
- Ameen, S. B. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thaubiha al Jadid*. Dar al-Ilm li al-Malayin.
- Anis, Ibrahim. (1991). *Dalaalat al-Alfaaz*. Cetakan 6. Mesir: Maktabah al-Anjalu al-Misriyyah.
- Ariffin, A., & Mansor, I. (2019). Analisis Kesahihan Terjemahan Unsur Figuratif al-Quran ke dalam Bahasa Melayu. Dalam N. Rohana, K. A. Kadir, M. K. Zakaria, C. H. C. Noh, S. A. Hamid, H. Aziz, S. Said, Z. M. Zin, & K. S. Kamaruddin (Eds.), *Madani 2019 Seminar Antarabangsa Masyarakat Madani Alaf*

- 21 (Issue November, 541–550). Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu.
- Baharom et. al. (2015). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bakar, A. I. A. (2022). Peranan Kitab Syarah terhadap Penterjemahan Hadis ke dalam Bahasa Melayu. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)* 8(2):153-176.
- Bakri, S.A. (2001). *Al-Balaghah al-Arabiyyah fi Thaubiha al-Jadid*. Beirut: Dar al-ilm li al-malayin.
- Catford, J.C. (1996). *Teori Linguistik Bagi Penterjemahan*. (trans.) Uma A/P Iyavoo dan Koh Chung Gaik. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan. (2010). Teori Chomsky dan Cabaran Bahasa Melayu. *Jurnal Kesturi*. 20(1): 28-47.
- Glosari Bahasa dan Kesusasteraan Arab*. (1996). Kuala Lumpur: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hatim, B., & Mason, I. (2014). *Discourse and the Translator*. Routledge.
- Hussein, Abdul-Raof. (2006). *Arabic Rhetoric: A Pragmatic Analysis*. New York: Routledge
- Hussin, M., Sapar, A. A., & Pa, M. T. (2019). Majaz Mursal dalam Amthal Rasulullah S.A.W. *Journal of Arabic Linguistic and Literature*, 1(1), 61–80.
- Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. (2006). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Klaudy, Kinga (2009). *Explicitation*. In *Routledge Encyclopedia of Translation Studies*. (ed.) Baker, M., & Saldanha, G. London dan New York: Routledge.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-Based Translation*. University Press of America Lanham, MD.
- Mahmud Yunus. (2008). *Tafsir al-Quran Nul Karim Rasm Uthmani*. Klang Book Centre.
- Michie, S. & Williams, S. (2003). Reducing Work-Related Psychological Ill Health and Sickness Absence: A Systematic Literature Review. *Occupational and environmental medicine*, 60(1), 3-9. <http://dx.doi.org/10.1136/oem.60.1.3>
- Mohammad Fadzeli Jaafar. (2014). *Pengenalan Linguistik Teoretis dan Aplikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yasin, B. H., Syed Nurulakla, S. A., & Nik Farhan, M. (2017). Jurang Leksikal Dalam Penterjemahan Kata Kerja Pola Af'ala Dan Fa''ala Al-Quran Ke Dalam Bahasa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*. [http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass\\_vol4bil1\\_022\\_badrul.pdf](http://journal.kuis.edu.my/jsass/images/files6/jsass_vol4bil1_022_badrul.pdf)
- Muhammad Adib & Mohamad Syukri (2022). Terjemahan Majāz Mursal Dalam Surah al-Baqarah Berdasarkan Terjemahan Perkata. *Jurnal Pengajian Islam*. 15 (2): 225-240. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/227>
- Munday, J. (2001). *Introducing Translation Studies Theories and Applications*. London & New York: Routledge.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to Translation (Language Teaching Methodology Senes)*. Oxford: Pergamon Press.
- Newmark, P. (1994). *Pendekatan Penterjemahan*. (trans.) Zainab Ahmad & Zaiton Ab. Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1982). *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: EJ Brill.
- Noor Maizaitun Zainuddin, Nasimah Abdullah & Saifulah Samsudin. (2024). Masalah dalam Terjemahan Majāz Mursal al-Quran: Analisis Terhadap Hubungan Ītibār mā sayakūn. *e-Journal of Research and Innovation (e-Jurnal Penyelidikan & Inovasi)*. 11 (2): 83-99. (September 2024). DOI: <https://doi.org/10.53840/ejpi.v11i2>
- Rahman, N. E. A., Ab Rahman, R., Omar, N., Hajar, S., Yusoff, M., Ab Halim, Z., & Yusoff, M. S. A. (2019). Translating Isti'arah and Kinayah in Quranic Verses. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. 8(4), 502–515.
- Siti Saodah, H. (1999). Ilmu Bayan Satu Perbandingan Dengan Bahasa Melayu. Dalam *Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab-Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 43-53.
- Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu*. (2017). Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- Umar, Ahmad Mukhtar. (1998). *Ilmu al-Dalaalat*. Cetakan 5. Kaherah: Alam al-Kutub.
- Vinay, Jean-Paul, & Darbelnet, Jean. (1995). *Comparative Stylistics of French and English*. (trans.) Juan C. Sager & M.J. Hamel. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins Publishing Company.
- Yaapar, M. S. (Ed.). (2021). *Kamus Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yayan Nurbayan (2019). Metaphors In the Quran and Its Translation Accuracy in Indonesian. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*. 8 (3): 710-715. <https://core.ac.uk/download/pdf/326768966.pdf>
- Zaini Dahlan. (1999). *Qur'an Karim dan Terjemahan Artinya*. Yogyakarta: UII Press.
- Zainuddin, N. M., Abdullah, N. & Samsudin, S. (2023a). Keberkesanan Strategi Eksplisitasi: Analisis Terhadap Teks Terjemahan al-Hidayah House of Quran. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Kali Ke 8 (PASAK 8) 2023, 10-11 Mei 2023. KUIS. ID 043. 1835-1842.
- Zainuddin, N. M., Abdullah, N. & Samsudin, S. (2023b). Terjemahan Majāz Mursal al-Quran Melalui Strategi Eksplisitasi: Analisis Ītibār mā kāna. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 6 (3): 12-27. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/388>



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).